

From: Suhaimi Hamad/PG/PCD/MPC
To: Khidzir Ahmad/NC/PCD/MPC@MPC
Cc: Saliza Saari/PER/OED/MPC@MPC, Wan Fazlin Nadia Wan Osman/NC/PCD/MPC@MPC, Mohamad Azrol Mohamad Dali/GRP/NC/PCD/MPC@MPC, Mahadi Hasbullah/PCT/MSF/MPC@MPC, Fauziah Manaf/PG/PCD/MPC@MPC

Date: Thursday, February 25, 2021 09:15PM
Subject: Re: Memohon Sokongan dan Kelulusan untuk Menggunapakai Perkhidmatan Rapporteur daripada Pembekal Welingtons Resources untuk tujuan Mesyuarat DCP pada 26 Februari 2021

Saya menyokongnya.

Terima kasih

Sent from my iPhone

On 25 Feb 2021, at 2:26 PM, Khidzir Ahmad <Khidzir@mpc.gov.my> wrote:

Assalamualaikum Pengerusi JPPK Tn Hj Suhaimi dan Pn Saliza

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman pihak pengerusi, perkhidmatan sebagai rapporteur telah dicadang dan dimaklumkan kepada pihak pembekal selepas pihak sekretariat diberi mandat untuk melaksanakan mesyuarat bagi memantapkan pelan tindakan daripada Workshop DCP yg telah dilaksanakan pada awal bulan Februari. Pihak pembekal dari Welington Resources juga telah dimaklumkan dan bersetuju berdasarkan tarikh mesyuarat yang dicadangkan pada 26 Februari 2021. Pembekal telah dipilih berdasarkan kualiti kerja dan juga keupayaan beliau di dalam memahami isu sedia ada berkenaan DCP. Proses penghantaran eRO telah dibuat pada 23 Februari selepas menerima surat akuan terima dari pembekal.

Walaupun, pihak sekretariat telah dihubungi PCT pada 25 Februari dan memaklumkan yang pembekal telah dilantik bagi perkhidmatan yang sama pada 19 Februari 2021. Berdasarkan sistem penggiliran yang sedang dipraktikkan, pihak PCT menasihati sekretariat untuk menukar kepada pembekal lain atau menyediakan memo dengan sokongan pengerusi JPPK bagi terus menggunapakai perkhidmatan pembekal yang dicadangkan.

Memandangkan sesi mesyuarat yang akan dilaksanakan adalah esok 26 Februari, pihak sekretariat mendapati sukar untuk mendapatkan pembekal lain yang berupaya dan mempunyai pengetahuan yg baik di dalam topik DCP ini. Oleh itu, adalah dengan rasa hormat ingin memohon sokongan dan kelulusan daripada pihak pengerusi untuk menggunakan pembekal yang dicadangkan iaitu Welingtons Resources.

Kerjasama dan pertimbangan dari pihak pengerusi di atas perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Khidzir Ahmad
Smart Regulation
Productivity and Competitiveness Development
Malaysia Productivity Corporation (MPC)
Tel:03-79512444
Mob: +6012 664 1144
Fax :03-79581697

"..Golf is the closest game we call game of life. You get bad breaks from good shots, you get good break from bad shots - but you have to play the ball where it lies.."